

Berita Harian (16/1/2013)

Pegawai JPJ tak terima bayaran saman AES lewat sehari

JPJ menetapkan tempoh pembayaran saman AES 60 hari daripada tarikh saman dikeluarkan. Kami memohon maaf kerana tidak dapat menerima pembayaran saman selepas tarikh tamat tawaran kompaun 60 hari itu kerana sistem saman AES menyekat urusan pembayaran saman secara automatik.

Bagi pembayaran pada hari ke 61 atau lebih, orang yang disaman perlu hadir mahkamah di mana kesalahan itu dikesan.

Kami ingin memohon maaf atas kesulitan dihadapi pengadu. Segala pandangan pengguna jalan raya mengenai AES sentiasa dipandang serius bagi memantapkan sistem penguatkuasaan undang-undang lalu lintas.

**Iskandar Zulkarnain Mohd Ali
Pegawai Perhubungan Awam
JPJ Kedah**